

Utusan Borneo
14 November 2018

5 CEO LIAM dipilih penerima anugerah berprestij Felo MII

KUALA LUMPUR: Lima Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat anggota Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) telah dipilih sebagai penerima anugerah Felo Institut Insurans Malaysia (FMII).

Dalam kenyataan di sini kelmarin, LIAM berkata penganugerahan FMII, iaitu kelayakan insurans profesional paling berprestij dan tahap tertinggi di Malaysia, disampaikan kepada CEO berkenaan pada majlis graduasi Institut Insurans Malaysia 2018 di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Sabtu lepas.

Penerimaannya ialah Presiden LIAM dan CEO AIA Bhd Anusha Thavarajah; Naib Presiden LIAM dan CEO Gibraltar BSN Life Bhd Rangam Bir; anggota Jawatankuasa Pengurusan LIAM dan CEO Sun Life Malaysia Assurance Bhd Raymond Lew Yung Chow; dan CEO AXA AFFIN Life Insurance Bhd Rohit Chandrasekharan Nambiar.

Seorang lagi penerima iaitu anggota Jawatankuasa Pengurusan LIAM dan CEO Great Eastern Life Assurance Bhd Datuk Koh Yaw Hui, merupakan CEO pertama menerima anugerah FMII pada Ogos 2017.

LIAM berkata memperoleh status sebagai anggota Felo

Institut Insurans Malaysia mencerminkan tahap pencapaian dan profesionalisme CEO berkenaan.

Ia mengesahkan komitmen mereka untuk meneruskan pembangunan profesionalisme profesion insurans dan meningkatkan lagi kewibawaan mereka, menurut LIAM.

Presiden LIAM Anusha Thavarajah berkata, "FMII merupakan pengiktirafan tertinggi terhadap profesionalisme dalam industri itu yang digariskan untuk memenuhi keperluan perniagaan itu. Ia menyediakan asas yang kukuh dan mantap kepada graduan berhubung asas-asas insurans dan melengkapinya untuk memperolehi tahap kompetensi, kemahiran dan ilmu pengetahuan pada tahap lebih tinggi untuk cemerlang dalam industri yang pesat berkembang ini."

"Sebagai profesional, ia pastinya mendorong kami untuk bekerja lebih keras dan memberikan yang terbaik yang mampu kami berikan kepada industri ini."

Naib Presiden LIAM Rangam Bir berharap pencapaian sebagai Felo itu akan memberi inspirasi kepada lebih ramai CEO sebagai pemimpin untuk diteladani dan menggalakkan mereka untuk terus meningkatkan standard profesionalisme dalam industri itu.

"Seperti yang sering di-

ungkapkan, pembelajaran adalah sepanjang hayat. Hanya menerusi pembelajaran berterusan akan membolehkan kita menambah nilai terhadap kehidupan kita dan menjadikan kita bermotivasi untuk mencapai matlamat lebih tinggi dengan hasrat untuk mendapatkan lebih banyak ilmu pengetahuan dan meningkatkan pencapaian diri sendiri," kata Rangam.

Sejak dilancarkan pada 2016, sebanyak 48 CEO dan pemimpin kanan industri telah menerima anugerah FMII, termasuk 39 daripada Malaysia, tujuh daripada Indonesia, dan masing-masing seorang daripada Kembuja dan Myanmar.

FMII dibuka kepada CEO, pemimpin kanan syarikat insurans, individu yang banyak menyumbang terhadap pembangunan industri insurans dan individu yang mampu menambah nilai dan mempunyai hubungan langsung dengan profesion insurans.

Laluan untuk menjadi FMII kanan termasuk tiga langkah utama iaitu Enrolmen Felo dengan menghadiri dua bengkel mengenai Etika Dalam Perniagaan (EIB) dan menulis Caselet (CW).

Graduan juga perlu lulus kerja kursus EIB dan menyerahkan Caselet kepada Institut Insurans Malaysia.
— Bernama